

# PANDANGAN HUKUM MENGENAI SOLAT SUNAT SELEPAS AKAD NIKAH

## PENDAHULUAN

Kedapatan di kalangan masyarakat khususnya bakal pasangan suami isteri menunaikan solat sunat selepas selesai daripada upacara akad nikah. Ada yang menunaikannya secara individu dan tidak kurang pula sebahagian daripadanya menunaikan solat sunat secara berjemaah (sesama pasangan). Sehubungan dengan itu, kertas ringkas ini disediakan bertujuan untuk memberi penjelasan hukum berkenaan amalan ini agar mana-mana bakal pengantin akan mendapat pencerahan yang betul mengenainya.

## DALIL DAN HUJAH

Terdapat *athar* sahabat yang membenarkan perkara ini seperti mana yang berikut:<sup>1</sup>

عَنْ أَبِي وَائِلٍ قَالَ جَاءَ رَجُلٌ إِلَى ابْنِ مَسْعُودٍ فَقَالَ: إِنِّي تَزَوَّجْتُ امْرَأَةً، وَإِنِّي أَخَافُ أَنْ تَفْرُكَنِي، فَقَالَ عَبْدُ اللَّهِ: إِنَّ الْإِلْفَ مِنَ اللَّهِ، وَإِنَّ الْفَرْكَ مِنَ الشَّيْطَانِ، لِيُكْرِهُ إِلَيْهِمَا أَحَلَّ اللَّهُ، فَإِذَا أَدْخَلْتَ عَلَيْكَ فَمُرَّهَا فَلْتُصَلِّ حَلْفَكَ رُكْعَتَيْنِ، قَالَ الْأَعْمَشُ: فَذَكَرْتُهُ لِإِبْرَاهِيمَ، قَالَ: وَقَالَ عَبْدُ اللَّهِ: وَقُلْنَا: اللَّهُمَّ بَارِكْ لِي فِي أَهْلِي، وَبَارِكْ لَهُمْ فِيَّ، وَارْزُقْنِي مِنْهُمْ، وَارْزُقْهُمْ مِنِّي، اللَّهُمَّ اجْمَعْ بَيْنَنَا مَا جَمَعْتَ إِلَى خَيْرٍ، وَفَرِّقْ بَيْنَنَا إِذَا فَرَّقْتَ إِلَى خَيْرٍ.

Maksudnya: "Diriwayatkan daripada Abi Wa'il katanya: Seorang lelaki telah menemui Ibnu Mas'ud lalu berkata: Sesungguhnya aku telah mengahwini seorang wanita dan aku bimbang sekiranya dia membenciku. Kata Ibnu Mas'ud: Sesungguhnya sifat jinak itu daripada Allah manakala benci itu pula daripada syaitan supaya dia membenci apa yang telah Allah halalkan kepadanya. Apabila isterimu hendak bersama denganmu maka hendaklah kamu mendatangnya juga. Hendaklah juga bagi isterimu itu menunaikan solat (solat sunat) di belakangmu sebanyak dua rakaat. Berkata al-A'masyh: Aku telah mengingatkan mengenainya kepada Ibrahim. Katanya: Abdullah telah berkata: Hendaklah engkau berdoa: Ya Allah, kurniakanlah keberkatan bagiku buat ahli keluargaku, berikanlah keberkatan kepada mereka keranaku, kurniakanlah rezeki kepada mereka yang daripada keturunanku. Ya Allah, satukanlah kami terhadap apa yang telah engkau satukan dalam kebaikan dan pisahkanlah kami apabila perpisahan itu membawa kebaikan."

<sup>1</sup>Al-Sun'aniyy, Abi Bakr 'Abd al-Razzaq. 1983. *Al-Musannaf*. Beirut: al-Maktab al-Islamiyy. no. hadis: 10460 & 10461. Berkata al-Haythamiyy: Perawi-perawinya adalah benar.

Melalui *athar* ini dapatlah dijelaskan bahawa solat sunat untuk pengantin telah diamalkan pada zaman sahabat iaitu ketika sebelum hendak bersama dengan pasangan. Solat sunat berkenaan juga ditunaikan secara berpasangan dan tidak ditentukan tempoh waktunya. Justeru, adalah tidak benar sekiranya ada segelintir yang berpandangan bahawa solat sunat untuk pengantin baru ditunaikan sebaik sahaja selesai daripada akad pernikahan.

## **KESIMPULAN**

Dalam hal ini, kaedah yang betul dalam pelaksanaan ibadat ini adalah berpandukan kepada saranan yang berikut:

1. Sebaik-baiknya hendaklah dilaksanakan secara berjemaah iaitu melibatkan pasangan suami dan isteri.
2. Solat sunat nikah ini hendaklah dilakukan di tempat yang tertutup seperti di dalam bilik.
3. Pelaksanaan solat sunat nikah ialah ketika sebelum pasangan hendak bersetubuh.